

22 JUL 1996

KPB METERAI PERJANJIAN DENGAN SYARIKAT PERKAPALAN BELGIUM, JEPUN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Konsortium Perkapalan Bhd hari ini menandatangani perjanjian pemegang saham dengan Exmar n.v. dari Belgium dan Nippon Yusen Kabushiki Kaisha (NYK Line) untuk menubuhkan usaha sama bagi mengangkut gas dan kereta motor di rantau Asia.

Di bawah perjanjian usaha sama dengan Exmar, mereka akan memiliki dan mengendalikan sebuah kapal tangki gas petroleum cecair (LPG) berkeupayaan 75,353 meter padu, kata pengerusi Konsortium Perkapalan Mirzan Mahathir selepas upacara penandatanganan perjanjian itu di sini.

Usaha sama antara Konsortium Perkapalan dengan NYK Line bertujuan untuk memiliki dan mengendalikan sebuah kapal pengangkut kenderaan bermotor seberat 2,796 dwt bagi kawasan Malaysia dan rantau ini, tambahnya.

Konsortium Perkapalan akan memegang ekuiti majoriti 51 peratus dalam setiap usaha sama berkenaan.

Beliau tidak memberitahu saiz modal yang terlibat dalam kedua-dua usaha sama itu.

Usaha sama dengan Exmar, yang dikenali sebagai Asia Gas Transport Sdn Bhd, akan berkhidmat untuk pasaran gas Teluk Arab dan Jepun sementara usaha sama dengan NYK Line, Asia Vehicle Transport Sdn Bhd, akan dikendalikan antara pelabuhan-pelabuhan Kota Kinabalu, Bintulu dan Kuching di Malaysia dan Laem Chabang di Thailand.

Mirzan berkata syarikat itu, melalui anak syarikat milik penuhnya, PNSL Bhd, kini memiliki dua buah kapal tangki LPG dan sebuah kapal tangki gas asli cecair (LNG). Dua buah lagi kapal LNG sedang dalam pembinaan.

"Kami berbangga untuk menyatakan bahawa PNSL Bhd kini satu-satunya syarikat perkapalan Malaysia untuk memiliki dan mengendalikan kapal-kapal tangki LNG dan LPG," tambahnya.

Exmar adalah anak syarikat CMB n.v. Group, salah sebuah syarikat pengangkutan gas bebas utama di dunia.

NYT Line, dianggap sebagai pengendali pengangkutan kenderaan terbesar di dunia, kini memiliki 70 pengangkut kenderaan.

Konsortium Perkapalan adalah syarikat perkapalan kedua terbesar di Malaysia. Urus niaga sahamnya di Bursa Saham Kuala Lumpur, yang kini digantung, akan diniagakan semula pada 25 Julai, 1996. Kali terakhir ia diperdagangkan pada RM15.40.

Pada Sabtu lepas, Konsortium Perkapalan mengumumkan bahawa ia bercadang menyuntik perniagaan perkapalannya ke dalam pengendali pengangkutan kontena, Diperdana Corporation Bhd sebagai ganti untuk memegang kepentingan di dalam syarikat itu. (Saham Diperdana juga digantung. Kali terakhir ia diperdagangkan pada RM25.25)

"Saya tidak akan memberi ulasan berkaitan khabar angin," kata Mirzan bila ditanya tentang spekulasi bahawa pengendali lori Tiong Nam Transport Bhd dan pemilik gudang Integrated Logistics Bhd akan di "kuasai" oleh Konsortium Perkapalan. Harga saham Tiong Nam jatuh 40 sen kepada RM10.90 pada tengah hari ini sementara saham Integrated Logistics rugi 25 sen kepada RM7.80.

Ditanya sama ada Konsortium Perkapalan bercita-cita untuk mempunyai pegangan strategik dalam Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC), beliau berkata dia tidak berminat sama sekali. Kedudukan saham MISC tidak berubah pada RM7.55.

"Kami sedang menilai perniagaan-perniagaana logistik," katanya, dan menambah bahawa Konsortium Perkapalan sedang melihat kepada semua pertalian

dalam rangkaian perniagaan pengangkutan untuk menjadikan perniagaan itu
bersaingan sedaya yang boleh. -- BERNAMA
JR SIA